

"KEMISKINAN DI KALANGAN PETANI PADI"  
(Satu Kajian Kes Di Kampung Surau,  
Pasir Puteh, Kelantan)

Nordin Bin Ab. Ghani  
No. Matrik: 056688

Kertas Projek  
Untuk Memenuhi Sebahagian Syarat  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Sesi 1991/92

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim!

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinnya, maka saya dapat menyiapkan kertas projek ini. Dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada mereka yang telah membantu saya di dalam menyiapkan kertas projek ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada isteri saya yang telah banyak memberi bantuan dan dorongan kepada saya semasa menjalankan kajian luar dan juga penduduk Kampung Surau yang telah memberi kerjasama mereka semasa saya menjalankan kajian.

Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Muhammad Ikmal Mohd. Said, pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Beliaulah yang telah banyak memberi tunjuk-ajar, menyemak dan memberi dorongan kepada saya sehingga penulisan kertas projek ini dapat disiapkan.

Sekian dan wassalam.

Nordin Bin Ab. Ghani  
Belakang Balai Polis  
Jalan Klinik  
16800 Pasir Puteh  
Kelantan

## SINOPSIS

Kajian yang dilakukan ini adalah terhadap komuniti petani padi untuk mendapatkan satu penjelasan tentang mengapa komuniti petani padi seringkali dikaitkan dengan soal kemiskinan. Di dalam kajian ini, pengkaji akan cuba menjelaskan beberapa faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan ini, terutamanya dari segi pemilikan tanah. Di samping itu juga pengkaji akan cuba mengaitkannya dengan konsep dan ukuran kemiskinan yang digunakan sehingga kini.

Di dalam Bab I terdapat pengenalan, tujuan dan bidang kajian, takrif kemiskinan, metode penyelidikan dan masalah kajian.

Di dalam Bab II, pengkaji akan membincarakan tentang latarbelakang dan sedikit sejarah kampung, taburan penduduk, taburan umur dan juga persekolahan penduduk.

Di dalam Bab III, perbincangan adalah tertumpu kepada pekerjaan utama, pekerjaan tambahan, pendapatan yang diperolehi hasil kedua-dua pekerjaan tersebut, saiz tanah serta kaitan di antara pendapatan dan kemiskinan yang dialami oleh penduduk kampung.

Di dalam Bab IV iaitu bab kesimpulan, pengkaji menghuraikan beberapa sebab untuk menerangkan gejala kemiskinan yang masih berterusan di kalangan petani padi kampung ini.

## KANDUNGAN

|  | <u>Muka Surat</u> |
|--|-------------------|
| PENGHARGAAN  | i                 |
| SINOPSIS   | ii                |
| KANDUNGAN  | iii               |
| SENARAI JADUAL   | v                 |
| <br>BAB I : PENGENALAN                                 | 1                 |
| A. Tujuan dan Bidang Kajian                            | 3                 |
| B. Takrif Kemiskinan                                   | 5                 |
| C. Metode Penyelidikan                                 | 7                 |
| D. Masalah Kajian                                      | 9                 |
| <br>BAB II : KAMPUNG SURAU                             |                   |
| A. Latarbelakang Kampung Surau                         | 11                |
| B. Taburan Penduduk                                    | 12                |
| C. Taburan Umur  | 16                |
| D. Pencapaian Persekolahan Bagi Penduduk Kampung Surau | 18                |
| <br>BAB III:   |                   |
| A. Pekerjaan Utama                                     | 22                |
| B. Pendapatan Pekerjaan Utama                          |                   |
| i. Petani Padi   | 24                |
| ii. Petani Tembakau                                    | 25                |
| iii. Peniaga   | 26                |
| iv. Buruh  | 26                |
| v. Pegawai Kerajaan                                    | 26                |

Muka Surat

BIBLIOGRAFI

JAMPTRAN

## BAB I

### PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara membangun. Walaupun mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang agak pesat dalam tahun-tahun 1960an dan 1970an, hanya sebahagian kecil daripada faedah pembangunan dinikmati oleh golongan 40% paling bawah dalam hierarki kemiskinan (Ahluwalia, 1976). Oleh itu fenomena kemiskinan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh Malaysia.

Kemiskinan sering dikaitkan dengan pertanian. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, kadar kemiskinan di kawasan luar bandar pada tahun 1987 ialah 22.4% (Malaysia, 1989: 51) berbanding kadar kemiskinan keseluruhan di Malaysia iaitu 19.3% (Malaysia, 1989: 52).

Apabila membicarakan tentang kemiskinan luar bandar, kita terutamanya membincangkan kemiskinan orang Melayu. Ini kerana orang Melayu adalah golongan majoriti yang mendiami kawasan luar bandar.

Banyak kajian telah dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan mengenai kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu luar bandar. Kajian-kajian ini cuba memeriksa punca kemiskinan di kalangan orang Melayu luar bandar.

Mengikut Chamhuri Siwar (1988: 128), kemiskinan dan pendapatan rendah masih merupakan masalah utama di kalangan petani padi walaupun berbagai projek pembangunan infrastruktur seperti

pembinaan parit dan talair dan program sokongan pendapatan, harga, subsidi dan bantuan perkhidmatan institusi telah disediakan untuk sektor padi. Tambahnya lagi, para petani padi merupakan salah satu kelompok luar bandar yang mengalami kadar kemiskinan yang tinggi. Kadar kemiskinan di kalangan petani padi ialah 88.1% pada tahun 1970, tetapi kadar ini turun ke 77% pada tahun 1975, 55.1% pada tahun 1980 dan 54.0% pada tahun 1983. Pada tahun 1984, kadar kemiskinan di kalangan petani padi terus meningkat 57.7%. Beliau juga telah mengemukakan beberapa faktor mengapa kemiskinan di kalangan petani padimasih berterusan. Antara faktor-faktor itu ialah pemilikan tanah yang kecil, kadar sewa tanah yang tinggi, kadar hasil yang rendah dan kekurangan kemudahan pengairan (1988: 132).

Kemiskinan juga berlaku di kalangan pekebun kecil getah (Asmah Ahmad, 1988). Kajian yang dijalankan di Baling, Kedah dalam tahun 1981, menunjukkan bahawa peratus kemiskinan adalah tinggi dan lebih dari 70% penduduk dari empat buah kampung yang dikaji menerima pendapatan isirumah kurang daripada \$280 sebulan (garis kemiskinan yang digunakan dalam kajian ini). Fenomena kemiskinan dan pendapatan rendah di kalangan pekebun kecil kelapa merupakan suatu fenomena yang tidak dapat disangkal walaupun pelbagai rancangan pembangunan dan pemulihan semula kawasan kelapa dijalankan secara besar-besaran (Nor Aini Hj. Idris dan Zaini Mahbar, 1988: 233). Pada tahun 1970, kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil kelapa ialah 52.8%, tetapi kadar ini turun ke 50.9% dalam tahun 1975; 38.9% dalam tahun 1980, dan 32.7% dalam tahun 1983 (Malaysia, 1984), tetapi

telah meningkat ke 46.9% pada tahun 1984 (Malaysia, 1985). Dari sejumlah 14.2 ribu isirumah sektor pekebun kecil kelapa dalam tahun 1984, 6.6 ribu termasuk dalam golongan miskin. Kemiskinan di sektor pekebun kecil kelapa dan getah disebabkan oleh berbagai faktor yang boleh disimpulkan sebagai faktor saiz pemilikan tanah yang kecil dan kadar hasil yang rendah merupakan faktor utama.

Apa yang jelas dan yang dapat diperhatikan dari perbincangan di atas ialah kemiskinan dan pendapatan yang rendah di kalangan penduduk luar bandar berkait-rapat kepada saiz pemilikan tanah yang kecil yang tidak ekonomik dan kadar hasil yang rendah yang diterima oleh mereka.

#### A. Tujuan dan Bidang Kajian

Kemiskinan dan kemunduran penduduk di luar bandar merupakan salah satu subjek yang sering diperkatakan. Usaha-usaha penyelidikan dan penulisan yang berhubung dengan perkara tersebut telah banyak dilakukan. Namun begitu kemiskinan masih lagi merupakan suatu masalah yang meluas.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk memahami punca kemiskinan penduduk Kampung Surau terutama petani padi. Pekerjaan ini telah sekian lama dijalankan oleh penduduk Kampung Surau. Sehingga kini masih diteruskan dan merupakan salah satu punca pencarian hidup yang penting di samping usaha menanam tembakau. Oleh itu pengkaji cuba meninjau keadaan yang menyebabkan kemiskinan berlaku.

Tanah merupakan faktor pengeluaran yang penting dalam pertanian. Tanah menentukan mata pencarian petani, adalah asas kehidupan mereka. Oleh demikian, kajian ini juga menyentuh tentang pemilikan tanah.

Selain itu, kajian ini juga melihat perhubungan di antara kemiskinan dengan kadar pulangan yang rendah.

Setelah dibincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan tujuan dan bidang kajian, penulis ingin memajukan hipotesis yang difikirkan menjadi faktor utama di mana kemiskinan berlaku. Mengikut Ahmad Mahzan Ayub, hipotesis ialah suatu saranan sementara mengenai hubungan di antara dua angkubah (atau lebih) yang didapati melalui deduksi (1983: 16). Penulis memajukan dua perkara penting:-

- i. Kemiskinan dikaitkan dengan saiz pemilikan tanah yang kecil. Secara purata, saiz optimum sawah padi ialah 2.63 hektar (6.11 ekar) atau lebih (Lai dan Arope, 1971). Saiz ini dianggap dapat menghasilkan pendapatan yang secara realtif setanding dengan pendapatan buruh di sektor perkilangan atau industri.
- ii. Kemiskinan juga dikaitkan dengan kadar hasil atau pulangan yang rendah. Mengikut Chamhuri Siwar (1985), kadar hasil padi yang telah mencapai satu "dataran" merupakan sebab penting mengapa kemiskinan masih berlaku di kalangan petani.

Penulis mengambil Kampung Surau sebagai kawasan kajian kerana kawasan ini merupakan kawasan yang difikirkan dapat mewakili kawasan-kawasan luar bandar di negara ini kerana keseluruhannya penduduk di sini menjalankan aktiviti pertnaian seperti bersawah padi, menoreh getah dan melakukan pekerjaan lain. Hipotesis-hipotesis ini akan diuji kebenarannya, maka ia boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu sebagai panduan untuk menyusun rancangan-rancangan pembangunan luar bandar dengan lebih efektif lagi.

#### B. Takrif Kemiskinan

Dalam bahagian ini, saya akan mengupas beberapa persoalan pokok kemiskinan, iaitu tentang konsep dan ukuran kemiskinan. Kemiskinan mempunyai berbagai tafsiran dan pendapat yang dikemukakan oleh para pengkaji sosiologi dan ekonomi. Kemudian saya akan mengaitkannya dengan pendapatan ketua isirumah Kampung Surau.

Tafsiran umum tentang kemiskinan dapat dilihat dari definisi yang diberikan oleh Charles Booth (disebut dalam Holman, 1978: 3) yang menerangkan maksud miskin iaitu seseorang yang hidupnya susah untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup yang mencukupi. Keperluan-keperluan hidup yang mencukupi perlu untuk mengekalkan kecekapan fizikal atau biologi.

Soal kecekapan fizikal ini amat berkait-rapat dengan pendapatan seseorang atau sekeluarga. Sekiranya seseorang itu tidak memperolehi pendapatan yang dapat memenuhi keperluan asas yang utama (makanan) atau tidak dapat makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan, dan tidak dapat memenuhi

dan mengekalkan kecekapan fizikalnya, maka ini termasuk dalam golongan miskin (Ungku Aziz, 1964).

Garis pendapatan minima digunakan oleh ahli-ahli ekonomi untuk menentukan seseorang atau sekeluarga itu miskin atau tidak. Walaupun penentuan dan pengertian kemiskinan secara "pendapatan minima" ini amat sukar dilakukan, terutama dari segi penentuan jumlah pendapatan minima yang standard, tetapi konsep ini masih terus digunakan hingga kini (Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, 1989).

Demikian juga Peter Townsend (1962: 225) turut menegaskan tentang kemiskinan yang berdasarkan suatu paras atau jumlah tertentu pendapatan. Ini bermakna, jika seseorang itu diletakkan di bawah garis tertnetu yang telah ditetapkan, maka ia dianggap miskin kerana garis pendapatan itu telah mengambil kira jumlah yang diperlukan untuk mendapatkan keperluan asas di peringkat secukup hidup. Ini berbeza dengan golongan lain yang mampu memenuhi bukan sahaja keperluan asasi tetapi juga keperluan-keperluan lain.

Kemiskinan bukan bergantung sepenuhnya kepada pendapatan yang diterima oleh seseorang atau sesebuah keluarga. Faktor-faktor lain seperti pengagihan pendapatan, peluang sosial dan ekonomi perlu juga diambil kira dalam menghuraikan tentang kemiskinan. Seseorang itu miskin berdasarkan kedudukannya dalam masyarakat. Seseorang atau golongan yang berada pada peringkat paling bawah atau rendah dalam struktur stratifikasi masyarakat dianggap miskin, menurut Syed Husin Ali (1964).

Ahli-ahli sosiologi dan ekonomi bersepakat dan berpendapat bahawa pengukuran kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua iaitu ukuran kemiskinan mutlak dan ukuran kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak mengambil kira satu garis tertentu bagi menentukan kemiskinan seseorang atau sekeluarga. Garis ini memisahkan di antara golongan miskin dengan golongan yang bukan miskin. Orang yang terletak di bawah garis itu digolong sebagai miskin. Ukuran penentuan garis ini selalunya dikira dari jumlah pendapatan. Jumlah pendapatan yang digunakan sebagai garisan penentu ini biasanya ditetapkan oleh pihak berkuasa, tapi boleh berubah-ubah mengikut tempat dan masa. Garisan ini mengambil kira 'pendapatan minima bulanan' (monthly minimum income) yang diperlukan untuk dapat memenuhi keperluan asasi yang ditentukan oleh masyarakat tersebut. Peringkat pendapatan minima inilah yang dijadikan sebagai 'garis pemisah' di mana seseorang yang mempunyai pendapatan lebih rendah di anggap miskin.

Di Malaysia, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, garis kemiskinan ialah \$350.00 sebulan bagi sebuah keluarga mengandungi 5.14 orang di Semenanjung Malaysia, \$429.00 sebulan untuk isirumah 5.24 orang di Sarawak dan sebanyak \$533.00 sebulan untuk isirumah seramai 5.36 orang di Sabah (1989: 52).

### C. Metode Penyelidikan

Penyelidikan terhadap Kampung Surau telah diadakan dalam bulan Mei dan Jun 1990.

Tiga cara telah digunakan untuk mendapatkan maklumat iaitu melalui:-

- (a) Tinjauan
- (b) Perbualan
- (c) Soalselidik

Setelah mengumpulkan segala maklumat tentang kemsikanan dan kerja tambahan melalui bacaan dan kajian perpustakaan, pengkaji mengenalpasti kawasan yang hendak dikaji. Pengkaji telah membuat satu kajian tinjauan ke atas kawasan kajian yang telah dipilih. Melalui kajian tinjauan ini, pengkaji mendapat maklumat mengenai kedudukan kawasan, jumlah serta komposisi penduduk dan latarbelakang kawasan tersebut. Ini untuk memudahkan pengkaji mendapatkan data melalui kaedah soalselidik dan seramai 45 ketua isirumah dipilih sebagai sampel kajian ini. Ini meliputi kesemua ketua isirumah yang ada di kampung ini.

Perbualan secara tak formal dan formal dijalankan. Perbualan secara tak formal dapat memberi keyakinan kepada responden untuk menjawab soalan-soalan yang akan ditanya dalam borang soalselidik. Kaedah temubual secara formal adalah dengan menggunakan borang soalselidik. Ini melibatkan 45 ketua isirumah di Kampung Surau. Pengkaji cuba menyelitkan unsur-unsur di luar bidang kajian untuk mengelakkan dari rasa jemu dan bosan yang dialami oleh responden.

Kaedah soalselidik digunakan untuk mendapatkan data bercorak kuantitatif seperti umur, taraf pendidikan, pendapatan,

pekerjaan dan lain-lain lagi. Penulis juga cuba mendapatkan maklumat sekunder iaitu melalui beberapa cara termasuk rujukan perpustakaan, dokumen-dokumen kerajaan dan badan-badan berkanun serta laporan media massa. Rujukan secara "library research" dibuat terutama ke atas majalah, jurnal, buku, laporan dan persidangan yang berkaitan dengan kajian. Dokumen-dokumen kerajaan pula seperti Rancangan Pembangunan, Laporan Ekonomi dan lain-lain lagi.

Oleh yang demikian, diharap kajian ini merupakan satu kajian yang tepat dan berkesan.

#### D. Masalah Kajian

Semasa menjalankan kajian dan pengumpulan data di kalangan responden di Kampung Surau, pengkaji telah mendapati beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan.

Masalah tidak mendapat jawapan yang tepat mengenai pendapatan mungkin berlaku kerana pada pendapat pengkaji, responden menyangka bahawa pengkaji adalah agen kerajaan atau pegawai penyelidik yang menyiasat tentang cukai pendapatan. Masalah syak wasangka memang tidak dapat dielakkan dalam kajian luar. Seperti kata Cheu Hock Tong (1980: 63), "Syak wasangka adalah salah satu masalah yang sering dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian luar. Masalah ini berlaku sama ada responden yang sama keturunan etnik ataupun berlainan etnik dengan pengkaji. Begitu juga dalam hal mendapatkan data mengenai pemilikan tanah, ketepatannya memang tidak dapat dielakkan. Apabila ini berlaku, maka kesimpulan-

kesimpulan yang akan dibuat tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Responden mungkin merasakan pengkaji sedang menjalankan kajian mengenai mereka yang tidak mempunyai tanah dan berharap mereka akan mendapat tanah kelak.

Masalah untuk mendapatkan perangkaan tepat mengenai pendapatan bulanan juga berkait rapat dengan hakikat bahawa sebilangan besar responden memperolehi pendapatan mengikut musim. Hasil pertanian sememangnya berbeza setiap musim; bergantung kepada tanaman yang diusahakan menjadi atau tidak.

Selain itu terdapat juga masalah kurang kerjasama dari responden. Responden tidak berminat untuk memberi kerjasama kepada pengkaji. Ini kerana kajian seperti ini kerap dijalankan di kampung ini. Mereka seolah-olah melepaskan batuk di tangga".

Masalah untuk menemui responden juga timbul. Kadang-kadang mereka tidak ada di rumah pada waktu yang sesuai untuk ditemubual dan kadangkala mereka sedang berehat setelah pulang dari tempat kerja. Dengan itu pengkaji terpaksa datang pada waktu yang lain pula. Walau bagaimanapun, pengkaji yakin segala maklumat yang diperolehi adalah sebenar mungkin dan dengan itu tidak menghalang mencapai matlamat dan tujuan kajian ini.

## BAB II

### KAMPUNG SURAU

Bab ini akan membincarakan tentang latarbelakang dan sedikit sejarah kampung, taburan penduduk, taburan umur dan juga persekolahan penduduk. Ini kerana aspek-aspek ini mempengaruhi perbincangan seterusnya, khususnya tentang ekonomi kampung ini.

#### A. Latarbelakang Kampung Surau

Kampung Surau ialah sebuah kawasan kediaman yang telah lama dibuka iaitu lebih daripada 80 tahun yang lampau. Kampung ini jauhnya kira-kira tiga batu dari bandar Pasir Putih, Kelantan. Ia terletak di tepi jalan raya yang menghubung bandar tersebut dengan bandar Machang.

Kampung Surau terletak dalam Mukim Limbungan yang berhampiran dengan tiga buah Mukim yang lain iaitu Mukim Jeram, Mukim Gaal dan Mukim Padang Pak Amat. Penduduknya adalah seramai 206 orang yang kesemuanya terdiri dari orang Melayu.

Kampung Surau memperolehi namanya sempena dengan nama sebuah surau (tempat beribadat bagi orang Islam) yang begitu masyhur. Ramai yang menggunakan surau ini untuk menjalankan kegiatan agama bukan sahaja terdiri dari penduduk setempat, tetapi juga dari penduduk kampung-kampung yang berhampiran.

Sebahagian besar penduduk kampung ini bekerja sebagai petani padi. Ada juga yang bekerja sebagai petani tembakau.

Terdapat juga beberapa orang yang bekerja dengan kerajaan dan badan-badan swasta iaitu sebagai guru, pekerja hospital, kerani, buruh dan pemandu.

Kampung ini dikelilingi oleh tanah sawah yang terbentang luas yang merupakan punca pendapatan petani di sini. Tanah sawah itu dipisahkan oleh petak-petak yang tertentu yang menandakan milik atau pengusahaan seseorang petani. Seluruh penduduk kampung ini menikmati api letrik dan bekalan air paip. Namun demikian, ada juga penduduk yang menggunakan air perigi. Di kampung ini juga terdapat sebidang tanah perkuburan yang terletak berhampiran dengan surau kampung tersebut. Di kampung ini juga terdapat tiga buah kedai runcit. Kedai-kedai ini dapat menampung keperluan harian bagi penduduk kampung ini. Bagi mendapat kemudahan kesihatan pula penduduk di sini mempunyai pilihan sama ada ke hospital daerah yang terletak di bandar ataupun ke pusat kesihatan kecil yang terletak di Mukim Jeram. Begitu juga untuk pergi ke sekolah, anak-anak responden terpaksa ke bandar di mana terdapat dua sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah. Di kampung ini tidak terdapat sekolah rendah; yang hampir sekali terletak di Mukim Jeram.

#### B. Taburan Penduduk

Pada masa penulis menjalankan kajian, penduduk di kampung ini berjumlah 206 orang yang terdiri dari 45 ketua isirumah.

Jumlah sebenar ahli keluarga penduduk kampung ini ialah 287 orang, tetapi tidak semua yang tinggal di kampung ini kerana ada yang telah berpindah ke tempat lain. Perpindahan secara sukarela

ini dibuat untuk memenuhi kehendak ekonomi. Kebanyakan dari mereka meninggalkan kampung halaman dan berhijrah ke tempat-tempat lain, terutamanya ke bandar-bandar besar. Di bandar-bandar besar terdapat banyak peluang pekerjaan sama ada di sektor kerajaan maupun swasta. Terdapat juga penduduk di sini yang berhijrah untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan bilangan ahli keluarga Kampung Surau yang telah meninggalkan kampung untuk tujuan-tujuan seperti yang dicatatkan di bawah.

Jadual 2.1: Sebab-Sebab Penduduk Kampung Surau Meninggalkan Kampung

| Kenyataan                    | Bilangan  | Peratus    |
|------------------------------|-----------|------------|
| Kerana Bekerja               | 44        | 54.3       |
| Kerana Mengikut Suami/Isteri | 29        | 35.8       |
| Kerana Belajar               | 8         | 9.9        |
| <b>JUMLAH</b>                | <b>81</b> | <b>100</b> |

Dari seramai 81 orang, seramai 44 orang atau 54% dari mereka meninggalkan kampung untuk bekerja, 29 orang atau 76% kerana mengikut suami atau isteri, dan seramai 8 orang atau 10% kerana belajar.

Jadual 2 pula menunjukkan keterangan mengenai jenis kerja dan kelulusan yang diperolehi bagi penduduk Kampung Surau yang telah meninggalkan kampung. Seramai 15 orang atau 34% bekerja dengan kerajaan dan terdiri dari berbagai peringkat pegawai bergantung kepada kelulusan yang diperolehi. Mereka yang bekerja dengan badan-badan swasta pula berjumlah seramai 9 orang dan mereka sekurang-

kurangnya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi mereka yang berkhidmat dengan tentera atau polis, sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Mereka yang bekerja sendiri seperti bermiaga termasuk dalam kategori lain-lain pekerjaan dan ada di antara mereka yang berkelulusan ijazah.

Jadual 2.2: Jenis Pekerjaan dan Kaitannya Dengan Kelulusan Bagi Penduduk Yang Meninggalkan Kampung

| Pekerjaan                    | Kelulusan              | Bilangan | Peratus |
|------------------------------|------------------------|----------|---------|
| Buruh                        | SPM/SRP                | 4        | 9.1     |
| Polis/Tentera/<br>Navy/Bomba | SRP/SPM                | 7        | 15.9    |
| Kerja Kilang                 | SPM/SRP                | 3        | 6.8     |
| Pegawai Kerajaan             | Ijazah/STPM<br>SPM/SRP | 15       | 34      |
| Swasta                       | SPM/STPM               | 9        | 20.5    |
| Lain-Lain                    | Ijazah/SPM/<br>SRP     | 6        | 13.6    |
| JUMLAH                       |                        | 44       | 100     |

Jadual 3 pula menunjukkan perbezaan antara bilangan ahli famili dan ahli isirumah. Seperti yang telah dijelaskan, kita dapati seramai 81 orang atau 28% telah meninggalkan kampung iaitu terdiri dari 37 lelaki dan 44 perempuan. Penghijrahan penduduk yang berlaku sudah tentu mengakibatkan kekurangan tenaga kerja khususnya yang berkaitan dengan pertanian.

Jadual 2.3: Bilangan Ahli Keluarga dan Isirumah

| Bilangan Ahli Keluarga |     | Bilangan Ahli Isirumah |     |
|------------------------|-----|------------------------|-----|
| Lelaki                 | 138 | Lelaki                 | 101 |
| Perempuan              | 149 | Perempuan              | 105 |
| JUMLAH                 | 287 | JUMLAH                 | 206 |

Jadual 4 pula menunjukkan kaitan antara saiz isirumah dengan jenis pekerjaan. Saiz isirumah kebanyakannya dalam lingkungan 4 - 6 orang dan meliputi 20 buah keluarga atau 44.4%. Ini menunjukkan kebanyakannya saiz isirumah adalah dalam kategori sederhana. Sebelas dari keluarga tersebut terdiri dari golongan petani. Manakala selebihnya terdiri dari berbagai jenis pekerjaan. Saiz isirumah 1 - 3 orang juga kebanyakannya terdiri dari golongan petani dan jumlahnya sebanyak 9 buah keluarga. Terdapat juga keluarga petani dalam kategori saiz isirumah 7 - 9 orang iaitu 5 buah.

Jadual 2.4: Kaitan Antara Saiz Isirumah  
Dan Pekerjaan

| Saiz<br>Isirumah | Pekerjaan                                       |      |        |                     |       |  |
|------------------|---|------|--------|---------------------|-------|--|
|                  | Pegawai<br>Kerajaan<br>Peringkat<br>Pertengahan | Guru | Petani | Peniaga/<br>Pekedai | Buruh | Pegawai<br>Kerajaan<br>Peringkat<br>Rendah |
| 1 - 3            | -   | -    | 9      | 4                   | 1     | -  |
| 4 - 6            | 1   | 2    | 11     | 2                   | 2     | 2  |
| 7 - 9            | -   | 2    | 5      | 1                   | 1     | 2  |

### C. Taburan Umur

Seperti yang telah diperkatakan, jumlah penduduk di sini ialah seramai 206 orang. Mereka ini terdiri dari 101 orang lelaki dan 105 orang perempuan. Komposisi penduduk mengikut jantina menunjukkan bahawa penduduk perempuan lebih ramai dari kaum lelaki.

Mengenai taburan umur pula, kita dapat lihat bahawa golongan penduduk yang ramai sekali di kampung ini ialah mereka yang berumur kurang dari 15 tahun, diikuti oleh mereka yang berumur di antara 15 - 25 tahun. Ketiga ialah mereka yang berumur di antara 36 - 35 tahun dan kemudiannya mereka yang berumur 26 - 35 tahun. Penduduk yang bilangannya kecil sekali ialah mereka yang berumur lebih dari 55 tahun.

Mengikut laporan banci penduduk Malaysia 1980, mereka yang digolongkan sebagai tenaga kerja ialah mereka yang berumur di antara 15 hingga 55 tahun. Oleh itu di kampung ini terdapat 121 orang atau 58.7% yang digolongkan dalam kategori tersebut jika dilihat dari Jadual 2.5. Dari 121 orang yang termasuk ke dalam kategori umur tersebut, seramai 67 orang terdiri dari kaum lelaki dan 54 orang dari kaum wanita. Dari Jadual 2.5 juga kita dapati seramai 16 atau 24% lelaki dan 16 atau 30% wanita tidak mempunyai apa-apa pekerjaan atau tidak bekerja. Manakala mengikut pecahan umur pula kita dapati seramai 36 orang dalam lingkungan umur 15 - 25 tahun, 3 orang dalam lingkungan umur 26 - 35 tahun dan 36 - 45 tahun dan seorang dalam lingkungan umur 46 - 55 tahun. Terdapat beberapa faktor yang dapat menerangkan mengapa berlakunya

demikian. Pertama, ia kelihatan berkaitan dengan umur yang masih lagi muda dan masih bergantung hidup kepada kedua ibubapa mereka. Kedua, sebagai seorang isteri dan surirumah, maka mereka terpaksa menumpukan kepada pekerjaan tersebut sahaja dan tidak mempunyai masa untuk melakukan kerja-kerja lain. Bagi keluarga Melayu, baik yang tinggal di bandar ataupun luar bandar, di atas kaum lelakilah terletaknya tanggungjawab untuk menyara isteri dan anaknya di rumah. Ini adalah selaras dengan kehendak ajaran Islam.

Jadual 2.5: Taburan Umur Penduduk dan Bilangan Yang Bekerja

| Umur<br>(Tahun) | Bilangan Penduduk |           | Peratus | Bilangan Yang Bekerja |           |
|-----------------|-------------------|-----------|---------|-----------------------|-----------|
|                 | Lelaki            | Perempuan |         | Lelaki                | Perempuan |
| Kurang 15       | 33                | 39        | 35      | -                     | -         |
| 15 - 25         | 26                | 18        | 21.4    | 7                     | 1         |
| 26 - 35         | 10                | 8         | 8.7     | 8                     | 7         |
| 36 - 45         | 17                | 17        | 16.5    | 17                    | 14        |
| 46 - 55         | 14                | 11        | 12.1    | 14                    | 10        |
| Lebih 55        | 5                 | 8         | 6.3     | 5                     | 6         |
| JUMLAH          | 101               | 105       | 100     | 51                    | 38        |

Mereka yang melebihi 55 tahun ke atas berjumlah seramai 13 orang. Mereka terdiri dari 5 orang lelaki dan 8 orang perempuan. Walaupun umur mereka telah lanjut, 11 orang dari mereka itu terpaksa bekerja kerana desakan hidup. Mereka yang berumur dibawah 15 tahun pula dianggap belum mampu bekerja atau dapat menolong ibubapa bekerja.

Mereka ini memerlukan perlindungan fizikal dan emosional dari kedua ibubapa. Ramai dari mereka masih lagi di peringkat sekolah. Maka adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan penjaga menyara hidup dan perbelanjaan persekolahan mereka. Dari segi ekonomi, mereka dikatakan 'penduduk yang tidak produktif'. Dari data yang diperolehi bilangan mereka adalah seramai 72 orang atau 35% jumlah seluruh penduduk. Seramai 71 orang masih di bangku sekolah.

#### D. Pencapaian Persekolahan Bagi Penduduk Kampung Surau

Pendidikan yang diterima oleh ahli isirumah Kampung Surau dapat dilihat dalam Jadual 2.6 di bawah.

Jadual 2.6: Pencapaian Persekolahan Penduduk  
Kampung Surau

| Kategori          | Tidak Bersekolah | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah Tingkatan (1-3) | (4-6) | Universiti/<br>Kolej |
|-------------------|------------------|----------------|----------------------------------|-------|----------------------|
| Sedang Bersekolah | 31               | 33             | 17                               | 17    | -                    |
| Tamat Bersekolah  | 21               | 38             | 21                               | 23    | 5                    |

Bagi mereka yang sedang bersekolah, kita dapati bilangan yang sedang belajar di sekolah rendah adalah yang teramai iaitu seramai 33 orang. Manakala 17 orang pula sedang menuntut di peringkat menengah rendah dan 17 orang pula berada di peringkat menengah atas. Kanak-kanak yang belum mencapai umur tujuh tahun dan layak bersekolah juga mencatat angka yang tinggi iaitu seramai 31 orang. Masalah

keciciran tidak berlaku di kampung ini kerana kesedaran tentang pentingnya pelajaran dan anak-anak responden yang mencapai umur tujuh tahun akan dihantar belajar ke sekolah rendah.

Bagi mereka yang telah tamat belajar, kita dapati jumlah yang mendapat pendidikan setakat sekolah rendah adalah yang teramai iaitu 38 orang. Kebanyakan responden yang mendapat pendidikan sekolah rendah adalah mereka yang belajar di sekolah Arab. Mereka yang mendapat pendidikan sehingga Sijil Rendah Pelajaran (SRP) ialah seramai 21 orang. Terdapat beberapa faktor yang dapat menerangkan mengapa pendidikan yang diterima hanya setakat sekolah rendah atau SRP sahaja. Antaranya ialah gagal dalam peperiksaan, kemiskinan, tidak berminat untuk belajar, mencari pekerjaan dan menolong ibubapa membuat kerja. Terdapat juga petani yang mendapat pendidikan sampai ke peringkat sekolah menengah atas. Mereka yang tidak bersekolah atau tidak mendapat apa-apa pendidikan terdiri dari kalangan petani dan isteri-isteri mereka. Kadar isteri yang buta huruf adalah lebih tinggi berbanding dengan ketua isirumah kerana orang tua zaman dahulu tidak menggalakkan anak perempuan mereka belajar di sekolah. Mereka menganggap anak perempuan itu bila dewasa hanya akan tinggal di rumah. Mereka yang bekerja sebagai guru pula mendapat pendidikan sehingga peringkat maktab atau kolej.

Setelah kita melihat pencapaian persekolahan penduduk di kampung ini, kita lihat pula kaitannya dengan pekerjaan yang dilakukan.

**Jadual 2.7: Pencapaian Persekolahan Penduduk Bagi Mereka Yang Bekerja**

| Jenis Pekerjaan                        | Tak Bersekolah | Sekolah Menengah | Sekolah Menengah Tingkatan (1-3) | (4-6)     | Universiti/Kolej |
|--|----------------|------------------|----------------------------------|-----------|------------------|
| Petani                                 | 19             | 27               | 9                                | 3         | -                |
| Guru                                   | -              | -                | -                                | -         | 5                |
| Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan | -              | -                | -                                | 7         | -                |
| Pegawai Kerajaan Peringkat Rendah      | -              | 2                | 1                                | -         | -                |
| Buruh                                  | -              | 2                | -                                | 1         | -                |
| Berniaga                               | 2              | 6                | 1                                | 2         | -                |
| Swasta                                 | -              | 1                | -                                | 1         | -                |
| <b>JUMLAH</b>                          | <b>21</b>      | <b>38</b>        | <b>11</b>                        | <b>14</b> | <b>5</b>         |

Taraf pendidikan yang diterima dapat mencerminkan pekerjaan seseorang itu. Begitu juga apabila kita lihat pencapaian persekolahan bagi penduduk kampung ini yang bekerja. Suatu yang nyata ialah, kebanyakan petani mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja dan hanya 12 orang sahaja yang memperolehi pendidikan sehingga ke sekolah menengah atas. Mereka yang mencapai peringkat persekolahan hingga ke peringkat universiti/kolej pula terdiri dari kalangan guru. Pegawai kerajaan peringkat pertengahan pula terdiri dari mereka yang bekerja sebagai kerani, jururawat dan pembantu makmal. Mereka ini mendapat pendidikan sehingga ke Tingkatan Lima dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia. Terdapat seramai dua orang yang bekerja dengan pihak swasta dan dari Jadual 2.7 kita dapat

pekerjaan mereka tidak bergantung kepada pencapaian akademik yang diperolehi. Mereka yang berniaga pula terdiri dari berbagai peringkat persekolahan dan ini menunjukkan bidang perniagaan tidak hanya memerlukan kelulusan akademik tetapi bergantung juga kepada pengalaman seseorang.

Apa yang jelas dapat diperhatikan di sini ialah kebanyakan petani terdiri dari mereka yang mencapai persekolahan sehingga sekolah rendah sahaja.

Malah ia bukan merupakan perkara yang biasa kerana pelajar-pelajar yang mendapat pengiktirafan tertinggi dalam pelajaran akademik mereka sering kali tidak mendapat pengiktirafan dalam pelajaran yang mereka pelajari.

Dalam konteks pelajaran pengurusan, dia menunjukkan pengiktirafan pelajaran, mengiktirafkan pelajaran dan seterusnya dia tidak mengiktirafkan pelajaran yang dia pelajari. Pengiktirafan pada diktoran pentadbiran mengikut klasifikasi kerjaya oleh seorang ahli ilmu, 1992.

### a. Pelajaran Ilmu

Pelajaran ilmu adalah suatu pelajaran yang ditakrifkan oleh seorang ahli ilmu sebagai pengetahuan tentang sesuatu subjek dan ia boleh dikenali dengan menggunakan teknik sains dan matematik.

Contohnya pelajaran kimia, fizik, matematik, geografi, sejarah, bahasa Inggeris dan sebagainya.

### BAB III

Bab ini akan membincang pekerjaan utama, pekerjaan tambahan, pendapatan yang diperolehi hasil dari kedua-dua pekerjaan tersebut, saiz tanah serta kaitan di antara pendapatan dan kemiskinan yang dialami oleh penduduk Kampung Surau.

Pekerjaan utama dan pekerjaan tambahan mempunyai kaitan yang amat rapat di mana pekerjaan utama tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan hidup. Mengikut Jonathan Haughton (1987: 16) masa yang dihabiskan dalam melakukan pekerjaan tambahan berkait rapat dengan upah yang diterima di mana tumpuan yang lebih akan diberikan apabila pulangan yang tinggi diterima.

Saiz tanah pula menentukan pengeluaran dan seterusnya pendapatan. Pendapatan pula menentukan sama ada seseorang itu miskin atau sebaliknya. Kemiskinan yang dialami biasanya mendorong seseorang itu melakukan kerja-kerja tambahan (Tempelman, 1982).

#### A. Pekerjaan Utama

Pekerjaan ialah suatu aktiviti yang dilakukan oleh manusia secara berterusan (regular basis) dan tetap sebagai punca pendapatan untuk menyara diri atau keluarga.

Jadual 3.1 menunjukkan jenis pekerjaan utama ketua isirumah Kampung Surau.

Jadual 3.1: Pekerjaan Utama Ketua Isirumah  
Kampung Surau

| Jenis Pekerjaan                        | Bilangan  | Peratus     |
|--|-----------|-------------|
| Petani Padi                            | 24        | 53.3        |
| Berniaga                               | 6         | 13.3        |
| Petani Tambahan                        | 1         | 2.2         |
| Buruh                                  | 2         | 4.4         |
| Guru                                   | 4         | 8.8         |
| Pegawai Kerja<br>Peringkat Pertengahan | 3         | 6.6         |
| Pegawai Kerja<br>Peringkat Rendah      | 4         | 8.8         |
| Lain-Lain                              | 1         | 2.2         |
| <b>JUMLAH</b>                          | <b>45</b> | <b>100%</b> |

Dari Jadual 3.1, kita dapati sebahagian besar ketua isirumah terlibat dalam kerja menanam padi. Pekerjaan ini dilakukan sejak turun temurun lagi, tambahan pula beras merupakan makanan utama bagi penduduk di sini dan juga di Malaysia. Di kawasan ini padi ditanam hanya sekali setahun daripada bulan Oktober ke Februari. Selain dari tanaman padi, terdapat seorang responden yang mengusahakan tembakau sebagai pekerjaan utama. Seperti juga dengan tanaman padi, tembakau hanya ditanam sekali setahun tetapi kerja-kerjanya bermula pada bulan Mac dan berakhir bulan Julai. Dari Jadual 3.1 juga, kita dapati seramai 13 orang atau 28.9% makan gaji iaitu 11 orang bekerja dengan kerajaan dan dua orang bekerja sebagai buruh di sektor swasta. Enam yang lain berniaga.

Mereka yang makan gaji dengan kerajaan terdiri dari 4 orang guru, setiap seorang pembantu hospital, pembantu makmal dan pegawai kerani, manakala pegawai kerajaan peringkat rendah pula terdiri dari polis, pekerja JKR, pemandu RTM dan pekerja Majlis Daerah. Mereka yang bekerja sebagai buruh pula terdiri dari seorang buruh biasa dan seorang lagi buruh kasar di Singapura. Buruh kasar yang bekerja di Singapura ini dimasukkan sebagai penduduk di sini kerana beliau sering berulang-alik antara tempat kerja dan kampungnya. Jadual 3.1 juga menunjukkan sebahagian lagi ketua isirumah Kampung Surau terdiri dari mereka yang berniaga. Di kalangan mereka yang berniaga pula, terdapat seorang peniaga kuih, tiga orang pekedai runcit, seorang kontraktor dan seorang lagi pengawet tembakau.

B. Pendapatan Pekerjaan Utama

i. Petani Padi

Jadual 3.2 menunjukkan pendapatan per kapita sebulan petani padi bagi 24 ketua isirumah.

Jadual 3.2: Pendapatan Per Kapita Sebulan  
Bagi 24 Penanam Padi Kampung Surau

| Pendapatan Per Kapita (\$) | Bil. Responden | Peratus |
|----------------------------|----------------|---------|
| 0 - 35                     | 11             | 45.8    |
| 36 - 70                    | 10             | 41.7    |
| 71 - 105                   | 3              | 12.5    |
| JUMLAH                     | 24             | 100%    |

Setiap seekar padi yang ditanam menghasilkan pendapatan bersih sebanyak \$300. Jika dikira dengan jumlah guni yang diperolehi bagi setiap seekar tanah ialah kira-kira 20 guni yang mana berat setiap guni ialah 25 kati dan harga bagi setiap guni ialah \$25 apabila dijual di Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Musim menanam padi bermula pada bulan Oktober dan berakhir dalam bulan Februari dan mengambil masa 5 bulan.

Dari Jadual 3.2 kita dapati 21 isirumah memperolehi pendapatan per kapita yang tidak melepas garis kemiskinan iaitu \$350 sebulan bagi sebuah keluarga mengandungi 5.14 orang dan ini menunjukkan pendapatan utama bagi 21 keluarga tersebut menghasilkan pendapatan yang berada dalam golongan kurang daripada garis kemiskinan.

### ii. Petani Tembakau

Selain dari petani padi, terdapat seorang responden yang mengusahakan tembakau sebagai pekerjaan utama. Seperti juga dengan tanaman padi, tanaman tembakau memakan masa selama 5 bulan juga tetapi kerja-kerjanya bermula pada bulan Mac dan berakhir bulan Julai. Pendapatan per kapita petani tembakau ini ialah \$66 sebulan. Oleh kerana garis kemiskinan yang ditetapkan ialah \$70 sebulan, maka petani tembakau ini juga tidak memperolehi pendapatan yang mengatasi garis kemiskinan.

### iii. Peniaga

Terdapat enam orang peniaga. Pendapatan per kapita yang diperolehi oleh peniaga-peniaga kedai runcit ialah \$50, \$200 dan

\$150 sebulan. Manakala seorang kontraktor pula memperolehi pendapatan per kapita sebanyak \$350 sebulan, seorang pengawet tembakau memperolehi pendapatan per kapita sebanyak \$600 sebulan dan akhir sekali seorang peniaga kuih mempunyai pendapatan per kapita sebanyak \$36 sebulan. Dari 6 orang peniaga tersebut, dua orang dikira termasuk dalam golongan miskin iaitu peniaga kuih dan pekedai runcit.

iv. Buruh

Pendapatan per kapita seorang buruh yang bekerja di Singapura ialah \$112 sebulan, manakala pendapatan per kapita seorang buruh biasa ialah \$100 sebulan. Kedua-dua mereka ini tidak termasuk dalam golongan miskin kerana melepas garis kemiskinan yang telah ditetapkan ( $\$350 \div 5$ ).

v. Pegawai Kerajaan

Jadual 3.3 menunjukkan pendapatan per kapita sebulan bagi 11 orang pegawai kerajaan.

Jadual 3.3: Pendapatan Per Kapita Pegawai Kerajaan Kampung Surau

| Pendapatan Per Kapita (\$) | Bil. Responden | Peratus     |
|----------------------------|----------------|-------------|
| 0 - 70                     | 1              | 9.1         |
| 71 - 140                   | 3              | 27.3        |
| 141 - 210                  | 5              | 25.5        |
| Lebih 210                  | 1              | 9.1         |
| <b>JUMLAH</b>              | <b>11</b>      | <b>100%</b> |

Dari Jadual 3.3 kita dapati hanya seorang sahaja pegawai kerajaan yang memperolehi pendapatan per kapita di bawah garis kemiskinan iaitu bekerja sebagai buruh majlis daerah.

Seorang lagi responden yang diletakkan di bawah lain-lain pekerjaan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Semasa pengkaji menemui beliau dan bertanyakan tentang pendapatan bulanan, jawapan yang diberi ialah \$100. Beliau mempunyai dua orang anak di bawah tanggungan. Maka pendapatan per kapitanya ialah \$33. Dengan memperolehi pendapatan per kapita sebanyak \$33 sebulan, beliau boleh digolongkan sebagai miskin.

### C. Kemiskinan dan Saiz Tanah

#### i. Pemilikan Tanah

Bagi masyarakat tani, masalah tanah merupakan masalah yang amat penting kerana ini merupakan sebab utama mengapa berlakunya kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar. Mengikut Sukor Kassim (1984), asas kemiskinan dalam sektor pertanian sebahagian besar negara-negara dunia ketiga disebabkan oleh sistem pemilikan dan pengusahaan tanah pertanian. Ia mencerminkan satu polarisasi di mana sebahagian kecil individu memiliki serta mengusahakan sebahagian besar tanah pertanian, manakala di satu pihak lain terdapat ramai individu yang memiliki atau mengusahakan hanya sebahagian kecil tanah pertanian. Kumpulan yang kedua adalah golongan miskin dalam masyarakatnya. Jadual 3.4 menunjukkan keluasan pemilikan tanah pertanian bagi 24 ketua isirumah(responden) yang terlibat dalam bidang pertanian iaitu menanam padi.

Jadual 3.4: Pemilikan Tanah Bagi 24 Ketua Isirumah  
(Responden) Kampung Surau

| Luas Tanah (Ekar) | Bil. Responden | Peratus |
|-------------------|----------------|---------|
| 0                 | 12             | 50      |
| 0.1 - 0.99        | 1              | 4       |
| 1.0 - 2.00        | 4              | 16      |
| 2.1 - 2.99        | 7              | 28      |
| JUMLAH            | 24             | 100%    |

Dari jadual tersebut kita dapati 12 orang atau 50% ketua isirumah (responden) tidak memiliki tanah. Jumlah ini meliputi separuh dari jumlah responden yang terlibat dalam penanaman padi. Maka tanah yang diusahakan adalah tanah sewa. Sewa yang dikenakan pada puratanya ialah sebanyak \$50 bagi setiap ekar (sumber: soal-selidik). Manakala lima responden pula memiliki tanah tidak lebih daripada 2 ekar. Selebihnya iaitu tujuh responden memiliki tanah tidak lebih daripada 3 ekar.

Terdapat beberapa faktor yang boleh menjelaskan mengapa keluasan tanah yang dimiliki oleh 12 orang petani begitu kecil sekali. Pertama ia kelihatan berkaitan dengan pembahagian tanah pusaka. Tanah milik seseorang apabila meninggal dunia, tanah tersebut menjadi tanah pusaka dan dibahagikan kepada anak-anak atau warisnya. Oleh itu seorang anak atau warisnya menerima bahagian yang kecil apabila mempunyai saudara yang ramai. Kedua, terdapat juga ibubapa yang menjual tanah mereka untuk menampung perbelanjaan persekolahan anak mereka khususnya bagi melanjutkan

pendidikan di peringkat universiti. Selain itu, tanah juga dijual untuk menunaikan fardhu haji, majlis perkahwinan dan jika terdapat harga tawaran yang tinggi untuk tanah mereka. Keluasan tanah juga boleh menjadi kecil apabila ia tidak dapat diusahakan lagi dengan sempurna oleh sebab umur meningkat tua.

ii. Keluasan Ladang/Sawah

Jadual 3.5 menunjukkan taburan saiz tanah untuk tanaman padi.

Jadual 3.5: Taburan Saiz Tanah Padi Bagi  
24 Responden Kampung Surau

| Keluasan Tanah (Ekar) | Bil. Responden | Peratus |
|-----------------------|----------------|---------|
| 0.1 - 0.5             | 14             | 56      |
| 0.6 - 1.0             | 2              | 8       |
| 1.1 - 1.5             | 1              | 4       |
| 1.6 - 2.0             | 4              | 16      |
| 2.1 - 2.5             | 1              | 4       |
| Lebih 2.6             | 2              | 8       |
| JUMLAH                | 24             | 100%    |

Dari jadual tersebut, ia menunjukkan 21 atau 88% dari responden mengerjakan tanah setakat 2 ekar sahaja. Keluasan tanah yang kecil mengakibatkan hasil yang rendah. Maka tidak hairanlah jika pendapatan yang diperolehi adalah di bawah garis kemiskinan (Jadual 3.2). Mengikut Sukor Kassim (1983: 48), "Uneconomic farm size has long been realized as the major cause of poverty among

rural households". Secara purata saiz optimum sawah padi ialah 2.63 hektar (6.11 ekar) atau lebih (Lai dan Arope, 1971). Saiz ini dianggap dapat menghasilkan pendapatan buruh di sektor perkilangan atau industri. Dengan keluasan tanah seperti ini, teknologi semaju mana sekalipun tidak akan berjaya mempertingkat pengeluaran sehingga melebihi garis kemiskinan (Chamhuri, 1981: 132).

Berdasarkan saiz pemilikan tanah yang kecil dan saiz sawah yang dikerjakan pula tidak ekonomik, maka adalah sukar untuk 21 orang petani padi Kampung Surau melepasi garis kemiskinan. Padi yang dihasilkan tidak mendatangkan pulangan/pendapatan yang dapat mengatasi garisan "pendapatan minima" \$300 sebulan untuk sekeluarga 5.14 orang.

#### D. Pekerjaan Tambahan

Pekerjaan tambahan dilakukan untuk menambahkan pendapatan yang diperolehi dari kerja utama. Mengikut Gert-Jan Tempelman (1982: 53) dalam kajiannya di kawasan Nerus dan Pulang Musang Terengganu, kerja tambahan ialah aktiviti-aktiviti yang dilakukan selain daripada mengusahakan tanah sendiri untuk menambahkan pendapatan. Ia menjadi satu keperluan sebagai menambah kekurangan pendapatan dari kerja pertanian.

Pergantungan kepada sejenis tanaman yang berasaskan padi sahaja tidak mempunyai masa hadapan yang cerah (Bell, 1979). Tanaman padi dua kali setahun pun hanya menghasilkan pendapatan kira-kira satu perlima daripada pendapatan tanaman yang lebih

menguntungkan seperti tembakau dan koko (Huang, 1975b; Hashim, 1980). Dengan ini, petani terutamanya di luar kawasan pengairan utama perlu mengamalkan strategi tanaman pelbagai sebagai strategi untuk menambah pendapatan dan penggunaan sumber dengan lebih cekap (Chamhuri dan Mohammad, 1978).

Alternatif lain ialah menambah pendapatan melalui sumber luar - sawah. Langkah ini akan menambah bahagian pendapatan luar sawah di samping mewujudkan "petani-petani sambilan" yang mempunyai pekerjaan tetap di luar sawah dan mengerjakan sawah pada musim tertentu dengan bantuan para pekerja upahan.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Noraini Hj. Idris dan Zaini Mahbar (1988: 249) di kalangan pekebun kecil kelapa mendapati banyak pekebun telah mencari pekerjaan tambahan misalnya menjadi buruh pertanian di ladang kelapa, menjadi petani padi, peniaga dan sebagainya.

Jadual 3.6 menunjukkan jenis pekerjaan tambahan yang dilakukan oleh ketua isirumah Kampung Surau.

Dari jadual tersebut kita dapati seramai 23 ketua isirumah menanam tembakau sebagai pekerjaan tambahan. Mereka yang menanam tembakau terdiri dari 20 orang penanam padi, seorang anggota polis, 1 orang buruh majlis daerah dan seorang lagi ialah pekedai runcit. Selain dari menanam tembakau, kerja-kerja tambahan lain yang boleh diperhatikan ialah menanam padi, berniaga, menternak binatang seperti lembu dan kerbau dan menoreh getah. Kerja tambahan menanam padi oleh seorang guru begitu juga dengan berniaga oleh seorang guru.

Mereka yang melakukan pekerjaan tambahan menternak binatang dan menoreh getah kesemuanya terdiri dari kalangan penanam padi.

Jadual 3.6: Pekerjaan Tambahan Ketua Isirumah  
Kampung surau

| Jenis Pekerjaan    | Bilangan Penduduk |
|--------------------|-------------------|
| Tanam Tembakau     | 23                |
| Tanam Padi         | 1                 |
| Berniaga           | 1                 |
| Menternak Binatang | 1                 |
| Menoreh Getah      | 1                 |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>27</b>         |

Pekerjaan menanam tembakau dilakukan setelah tamat musim menanam padi iaitu dari bulan Mac hingga Julai. Jika dibandingkan dengan tanaman padi, hasil dari tanaman tembakau adalah lebih tinggi iaitu \$3000 bersih seekar. Jadual 3.7 menunjukkan taburan keluasan tanah untuk penanaman tembakau ketua isirumah (responden) Kampung Surau.

Dari Jadual 3.7, kita dapati seramai 17 orang atau 73.8% dari ketua isirumah yang ditemui menanam tembakau kurang dari satu ekar manakala 6 orang atau 26.2% pula menanam tembakau lebih dari satu ekar. Hasil pendapatan yang diterima oleh 17 orang ini jauh berbeza dari pendapatan yang diterima oleh mereka yang menanam lebih dari satu ekar. Ini kerana sebahagian dari mereka tidak mempunyai tanah dan terpaksa menyewa dari orang lain dan tenaga kerja yang

semakin kurang oleh sebab umur yang semakin meningkat juga faktor yang berkait dengan pengusahaan tanah yang kecil. Maka keluasan tanah yang kecil akan menghasilkan pendapatan yang rendah.

Jadual 3.7: Menunjukkan Saiz Tanah Tanaman Tembakau Responden Kamupng Surau

| Luas Tanah (Ekar) | Bilangan | Peratus |
|-------------------|----------|---------|
| 1/4               | 6        | 26.0    |
| 1/2               | 11       | 47.8    |
| 1                 | 3        | 13.0    |
| 1 1/2             | 1        | 4.4     |
| Lebih 1 1/2       | 2        | 8.8     |
| JUMLAH            | 23       | 100%    |

#### E. Pendapatan Keseluruhan (Kerja Utama dan Kerja Tambahan)

Jadual 3.8 menunjukkan pendapatan per kapita sebulan keseluruhan iaitu pendapatan dari pekerjaan utama dan pekerjaan tambahan ketua isirumah mengikut jenis pekerjaan utama.

Dari Jadual 3.8, kita dapati seramai 24 ketua isirumah memperolehi pendapatan per kapita sebulan kurang dari \$71 dan mereka ini dianggap termasuk dalam golongan miskin. Mereka terdiri dari 20 orang petani padi, seorang petani tembakau, 2 orang peniaga iaitu pekedai runcit dan peniaga kuih dan seorang lagi pula dikategorikan sebagai mempunyai lain-lain pekerjaan iaitu tidak mempunyai pekerjaan tetap. Walaupun sebahagian besar petani padi

Jadual 3.8: Pendapatan Per Kapita Keseluruhan Mengikut Jenis Pekerjaan Utama Ketua Isirumah Kampung Surau

| Pendapatan Per Kapita (\$) | Jenis Pekerjaan |                 |         |       |                  |   | Lain-Lain |
|----------------------------|-----------------|-----------------|---------|-------|------------------|---|-----------|
|                            | Petani Padi     | Petani Tembakau | Peniaga | Buruh | Pegawai Kerajaan |   |           |
| 0 - 35                     | 13              | 1               | 1       | -     | -                | - | 1         |
| 36 - 70                    | 7               | -               | 1       | -     | -                | - | -         |
| 71 - 105                   | 4               | -               | -       | -     | -                | 3 | -         |
| 106 - 140                  | -               | -               | -       | 2     | 2                | - | -         |
| Lebih 140                  | -               | -               | 4       | -     | 6                | - | -         |
| JUMLAH                     | 24              | 1               | 6       | 2     | 11               | 1 |           |

melakukan pekerjaan tambahan iaitu menanam tembakau sebagai sumber pendapatan tambahan, namun pendapatan per kapita sebulan keseluruhan mereka masih lagi tidak dapat melepas garis kemiskinan. Ini kerana hasil pendapatan dari kerja tambahan adalah rendah kerana tanah yang diusahaikan adalah kecil. Begitu juga dengan salah seorang dari peniaga kedai runcit yang tergolong dalam golongan miskin menanam tembakau sebagai pekerjaan tambahan kerana pendapatan dari pekerjaan utama tidak mencukupi.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah kerja tambahan yang sedia ada masih belum dapat menolong kaum tani mengatasi garis kemiskinan dan kerja tambahan akan terus memainkan peranan yang penting untuk menambah sumber pendapatan dalam kehidupan penduduk luar bandar sebagaimana juga penemuan yang ditemui oleh Gert-Jan Tempelman dalam kajiannya pada tahun 1980 di kawasan Nerus dan Pulau Musang, Terengganu.

## BAB IV

### KESIMPULAN

Terdapat beberapa sebab yang diutarakan untuk menerangkan gejala kemiskinan yang masih berterusan di kalangan petani padi. Sukor (1985) telah menyenaraikan faktor-faktor tersebut sebagai berkaitan dengan pemilikan tanah yang kecil, kadar sewa tanah yang tinggi, pertambahan penduduk, kadar hasil yang rendah, kekurangan tenaga buruh, kekurangan aktiviti luar - sawah dan kepelbagaiannya tanaman dan akhir sekali kos sara hidup dan kos tanaman (production).

Saiz ladang yang tidak ekonomik merupakan sebab yang utama mengapa berlakunya kemiskinan di kalangan petani padi di kebanyakan tempat kajian yang dijalankan (Chamhuri Siwar, 1985). Ini jelas terbukti di kalangan petani padi di Kampung Surau. Dari Jadual 3.5 (Bab III), kita dapatiti tidak seorang pun petani padi di kampung ini yang mengerjakan sawah mereka di tahap saiz optimum iaitu 2.03 hektar (6.11 ekar) dan ini dengan sendirinya dapat menjelaskan kepada kita mengapa 20 responden yang terdiri dari petani padi berada dalam kancan kemiskinan. Saiz ini dianggap dapat menghasilkan pendapatan untuk mengangkat mereka melewati garis kemiskinan (Lai dan Arope, 1971). Setiap seekar padi yang ditanam oleh petani padi Kampung Surau hanya menghasilkan pendapatan sekitar \$300 seekar atau 500 kati, suatu kadar hasil yang rendah.

Kemiskinan petani padi di Kampung Surau dapat juga dikaitkan dengan pekerjaan tambahan yang dilakukan sebagai strategi untuk menambah pendapatan. Menanam tembakau merupakan pekerjaan tambahan

keseluruhan petani padi Kampung Surau. Pergantungan kepada sejenis tanaman yang berdasarkan padi sahaja tidak mempunyai masa hadapan yang cerah. Tanaman padi dua kali setahun pun hanya menghasilkan pendapatan kira-kira satu perlima daripada pendapatan tanaman yang lebih menguntungkan seperti tembakau dan koko (Huang, 1975b; Hashim, 1980). Walaupun kerja tambahan ini dilakukan, namun para petani padi Kampung Surau masih tidak dapat melepas garis kemiskinan. Ini kerana saiz tanah/ladang adalah kecil (lihat Jadual 3.7) walaupun hasil dari tanaman tembakau adalah lebih tinggi daripada padi iaitu \$3000 bersih seekar.

Taraf pendidikan yang diterima juga dapat menerangkan mengapa kemiskinan berlaku di kalangan petani padi Kampung Surau. Suatu yang nyata ialah kebanyakan petani mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja (lihat Jadual 2.7, Bab II). Mereka yang berpendidikan rendah ini seperti petani padi terpaksa tinggal di kampung dan melakukan kerja-kerja pertanian. Mereka yang mendapat pendidikan tinggi meninggalkan kampung dan mendapat pekerjaan sama ada dengan pihak kerajaan atau pihak swasta (lihat Jadual 2.2, Bab II). Apa yang jelas juga di kampung ini ialah mereka yang berpendidikan tinggi seperti guru, pegawai kerani dan lain-lain lagi terlepas dari belenggu kemiskinan.

Kesimpulannya, yang jelas dan dapat diperhatikan ialah kemiskinan yang berterusan dan dialami oleh petani padi Kampung Surau disebabkan oleh saiz pemilikan tanah yang kecil dan kadar hasil atau pulangan yang rendah.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz, Ungku (1964), "Poverty and Rural Development in Malaysia", Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 1, No. 1, m.s. 70.
- Ahluwalia, M. (1976), "Inequality, Poverty and Development", Journal of Development Economics, Vol. 3, No. 1, m.s. 58.
- Ahmad, Asmah (1988), "Kemiskinan Di Kalangan Pekebun Kecil Getah: Satu Kajian di Baling, Kedah", dalam Chamhuri Siwar dan Mohd. Naflah Piei (Peny.), Isu Konsep dan Dimensi Kemiskinan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, Syed Husin (1964), "Social Stratification in Kampung Bagan: A Study of Class, Status, Conflict and Mobility in a Rural Community", Malayan Branch of Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, Monograph No. 1.
- Ayob, Ahmad Mahdzan (1983), Kaedah Penyelidikan Sosial-Ekonomi: Satu Pengenalan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheu Hock Tong (1980), "Syak Wasangka Sebagai Suatu Masalah Dalam Kajian Luar", dalam Wan Hashim, Ting Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin (Peny.), Kaedah Penyelidikan Sosial: Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haughton, J. (1981), "Are the Incomes of the Rural Poor Rising? Evidence for Single-Crop Padi Cultivators in West Malaysia", Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 24, No. 1, m.s. 32.
- Hj. Idris, Nor Aini dan Mahbar, Zaini (1988), "Kemiskinan di Kalangan Pekebun Kecil Kelapa", dalam Chamhuri Siwar dan Mohd. Naflah Piei (Peny.), Isu Konsep dan Dimensi Kemiskinan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holman, R. (1978) , Poverty: Explanations of Social Deprivation, London: Martin Roberts and Company.
- Huang, Y. (1975b), "Some Reflections on Padi Double Cropping in West Malaysia", dlm. D. Lim (Peny.), Reading in Malaysian Economic Development, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Jabatan Pertanian (1985), Laporan Tahunan 1984, "Rancangan Pemulihan Semula Kawasan Kelapa Semenanjung Malaysia.
- Kassim, Sukor (1985), "Persistence of Poverty Under the New Economic Policy", Kertaskerja yang dibentangkan di Persidangan Ekonomi Malaysia Kelapan, Penang: Malaysian Economic Association, September 20 - 24.
- Lai Kok Chew dan Arope, Ani (1971), "Towards Optimal Size of Rice Farms", Agricultural Economic Bulletin, Vol. 1, No. 2, Serdang: MARDI.
- Malaysia (1984), Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Malaysia (1989), Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Mohd. Noor, Hashim (1980), "Estimated Production Costs and Income for Different Crops", Serdang: MARDI.
- Siwar, Chamhuri (1985), "Persistent Poverty Among Padi Farmers: Impact and Implication of the Padi Subsidy Scheme", kertaskerja yang dibentangkan di Seminar Problems and Prospects of Rural Malaysia, Penang: Consumers' Association of Penang, November 22 - 26.
- 
- (1988), "Kemiskinan dan Ketidaksamaan di Kalangan Petani Padi: Kesan dan Implikasi", dalam Chamhuri Siwar dan Mohd. Haflah Piei (Peny.), Isu Konsep dan Dimensi Kemiskinan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tempelman, G.J. (1982), "Off-Farm Employment: A Barrier to Agricultural Development - A Case Study From Terengganu, Peninsular Malaysia", Malaysia Journal of Tropical Geography, Vol. 6, No. 1, m.s. 53.
- Townsend, P. (1962), "The Meaning of Poverty", British Journal of Sociology, Vol. 13, No. 1, m.s. 225.

## **Soalselidik (Questionnaire)**

### **A. butir-butir peribadi**

1) Umur: \_\_\_\_\_

2) Jantina: \_\_\_\_\_

3) Taraf Perkahwinan:

Berkahwin/Janda/Duda/Lain-lain

4) Taraf Pelajaran:

- a) Tidak Bersekolah
- b) Sekolah Rendah
- c) Tingkatan Satu Hingga Tiga
- d) Lain-lain

5) Sudah berapa lama tinggal di kampung ini:

\_\_\_\_\_ tahun.

6) Butir-butir mengenai keluarga:

| Bilangan        | Jantina | Umur | Kelulusan<br>Tertinggi | Kerja<br>Utama | Kerja<br>Sampingan | Tempat<br>tinggal |
|-----------------|---------|------|------------------------|----------------|--------------------|-------------------|
| 1. Isteri       |         |      |                        |                |                    |                   |
| 2. Anak Pertama |         |      |                        |                |                    |                   |
| 3. Anak Kedua   |         |      |                        |                |                    |                   |
| 4. Anak Ketiga  |         |      |                        |                |                    |                   |
| 5. Anak Keempat |         |      |                        |                |                    |                   |
| 6. Anak Kelima  |         |      |                        |                |                    |                   |
| 7. Anak Keenam  |         |      |                        |                |                    |                   |

### **B) Pekerjaan Utama**

1) Jenis Pekerjaan/tanaman: \_\_\_\_\_

2) Luas tanah yang dikerjakan: \_\_\_\_\_ ekar

3) Nyatakan hakmilik tanah yang dikerjakan:

- a) Tanah sendiri ( )
- b) Tanah sewa ( )

Jika tanah disewa, berikan:

a) Berapa sewanya: \_\_\_\_\_

b) Bentuk sewa: \_\_\_\_\_

c) Berapa lama sudah menyewa tanah itu;

\_\_\_\_\_ tahun

d) Bila sewa dibayar: \_\_\_\_\_

e) Luas tanah sendiri yang tidak diusahakan:

\_\_\_\_\_ ekar

Adakah disewakan: Ya/Tidak

4) Kos Belanja untuk kerjakan tanah (lihat borang lampiran)

5) Hasil: \$ \_\_\_\_\_ /ekar

6) Harga diperolehi:

a) musim lalu: \$ \_\_\_\_\_ /guni

b) 2 musim lalu: \$ \_\_\_\_\_ /guni

Jika getah, apakah harga diperolehi;

a) Bulan Januari \$ \_\_\_\_\_ /kati

b) Bulan Februari \$ \_\_\_\_\_ /kati

c) Bulan March \$ \_\_\_\_\_ /kati

d) Bulan April \$ \_\_\_\_\_ /kati

e) Bulan Mei \$ \_\_\_\_\_ /kati

f) Bulan Jun \$ \_\_\_\_\_ /kati

g) Bulan Julai \$ \_\_\_\_\_ /kati

h) Bulan Ogos \$ \_\_\_\_\_ /kati

i) Bulan September \$ \_\_\_\_\_ /kati

j) Bulan Oktober \$ \_\_\_\_\_ /kati

7) Pendapatan Bersih: \$ \_\_\_\_\_

8) Apakah hasil dari kerja ini mencukupi untuk keperluan:

a) Makanan: Ya/Tidak

b) Perbelanjaan anak (susu, sekolah) Ya/Tidak

c) Pakaian: Ya/Tidak

d) Sewa Tanah: Ya/Tidak

9) Bantuan dari anak-anak: Ada/Tiada. Jika ada, jumlahnya \$ \_\_\_\_\_ /sebulan

10) Bantuan dari orang lain: Ada/Tiada. Jika ada, sumbernya: \_\_\_\_\_

Jumlah: \$ \_\_\_\_\_ /sebulan

11) Bilangan bawah isirumah: orang (lebih 15 tahun, kurang dari 64 tahun)

12) Bilangan bawah isi rumah bekerja dalam pengusahaan isirumah: \_\_\_\_\_ orang.

**C) Pekerjaan sampingan:**

1) Jenis tanaman/pekerjaan: \_\_\_\_\_

2) Luas tanah yang dikerjakan: \_\_\_\_\_ ekar

3) Nyatakan hakmilik tanah yang dikerjakan;

a) Tanah sendiri: ( )

b) Tanah sewa: ( )

4) Pendapatan/Hasilnya: \_\_\_\_\_

5) Jika berkerja dengan majikan/perusahaan:

a) Nyatakan jenis pekerjaan: \_\_\_\_\_

b) Nama majikan/perusahaan: \_\_\_\_\_

c) Pendapatan/gaji: \$ \_\_\_\_\_ sebulan

6) Mengapa lakukan kerja sampingan:

\_\_\_\_\_

7) Bila lakukan kerja sampingan: \_\_\_\_\_

Kekerapan kerja sampingan:

\_\_\_\_\_ jam sehari/seminggu

8) Kerja sampingan dalam dua belas bulan lalu:

Bulan Anggaran Hari kerja Jenis Kerja Tempat Kerja

| Bulan | Anggaran Hari Kerja | Jenis Kerja | Tempat Kerja |
|-------|---------------------|-------------|--------------|
| Jan   |                     |             |              |
| Feb   |                     |             |              |
| Mac   |                     |             |              |
| Apr   |                     |             |              |
| Mei   |                     |             |              |
| Jun   |                     |             |              |
| Jul   |                     |             |              |
| Ogos  |                     |             |              |
| Sept. |                     |             |              |
| Okt.  |                     |             |              |
| Nov.  |                     |             |              |
| Dis.  |                     |             |              |

Kajian Pelajaran Utama

Kg. Surau, Pasir Puteh, Kelantan



# Petani sewakan sawah disifatkan tindakan wajar



DATO' SUBRAMANIAM

KUALA LUMPUR 19 Dis. — Kementerian Pertanian menyifatkan tindakan petani-petani sawah padi menyewakan sawah mereka sebagai tindakan yang wajar dan dapat meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

Timbalan Menteri Pertanian, Dato' S. Subramaniam berkata, dengan langkah menyewakan sawah padi yang kecil dan tidak ekonomik, para petani yang terlibat boleh menumpukan usaha kepada bidang yang lain.

"Dengan sewa yang baik diperolehi serta pendapatan daripada usaha lain, ia dapat meningkatkan taraf hidup petani yang terlibat," katanya dalam sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menjawab soalan Encik Saidin Adam (BN-Tanjung Karang), beliau berkata, di samping itu tindakan petani menyewakan tanah sawahnya juga membantu matlamat kerajaan untuk mewujudkan sektor penanam padi secara komersial.

Sebagai contoh katanya, di kawasan jelapang padi MADA, ramai pengusaha besar telah muncul kerana mereka mengusahakan tanah-tanah yang disewakan secara besar-besaran.

Menyentuh tentang pemberian kupon subsidi, Dato' Subramaniam berkata, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan pemberian kupon subsidi.

Kepada soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung), beliau berkata, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan reformasi tanah untuk membolehkan petani kecil memiliki tanah.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk membolehkan petani meluaskan kawasan tanaman padi dengan cara tanaman berkelompok.

Kepada soalan Encik Abdul Malek Munip (BN-Muar), beliau menjelaskan, pemberian subsidi padi perlu bagi membolehkan dasar pengeluaran padi negara sebanyak 65 peratus boleh dicapai.

Bagi tanaman lain pula katanya, kerajaan memang tidak mengamalkan sistem pemberian subsidi.

Menjawab soalan Haji Ibrahim Ali (BN-Pasir Mas), Dato' Subramaniam berkata, setakat ini tiada penyelewengan pemberian kupon subsidi yang dilaporkan.

Beliau juga menyatakan, kerajaan tidak akan menaikkan nilai subsidi yang diberikan sekarang kerana ia baru dinamakan pada 1 Jun 1990.

Katanya, di bawah kadar baru subsidi itu, ia dinaikkan sebanyak 50 peratus iaitu \$15 bagi setiap pikul padi berbanding dengan \$10 sebelumnya.

# \$500 juta bantu fakir beli ASB

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan bersetuju memperuntukkan \$500 juta sebagai dana pusangan untuk golongan Bumiputera termiskin membuat pinjaman bagi melabur dalam skim Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peruntukan itu akan meluaskan lagi penyertaan semua lapisan masyarakat Bumiputera dalam skim ASB serta membantu lebih ramai keluarga keluar daripada belenggu kemiskinan.

Mengikut skim itu, katanya, setiap pinjaman bernilai \$5,000 akan diberikan khas kepada pemohon yang layak untuk dilaburkan dalam unit ASB.

"Oleh kerana golongan termiskin ini tidak berupaya meminjam dan membayar balik pinjaman berdasarkan faedah, syarat-syarat pinjaman ini dipermudahkan," katanya di upacara penyerahan kunci kepada pembeli rumah Taman Selayang Utama di Mukim Batu, Daerah Gombak dekat sini hari ini.

Datuk Seri Anwar berkata, syarat-syarat yang dipermudahkan itu ialah:

- Skim itu membolehkan pinjaman 100 peratus, iaitu tanpa sebarang bayaran pendahuluan;
- Pinjaman itu tidak dikenakan sebarang kadar faedah;



DATUK SERI ANWAR  
... tanpa faedah

● Tempoh bayaran balik pinjaman ialah selama 15 tahun; dan

● Bayaran balik pinjaman akan dipotong terus oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dari pada dividen dan bonus tahunan. Baki daripada dividen dan bonus itu akan dibayar kepada pemohon.

Menurutnya, skim pinjaman itu akan diuruskan sepenuhnya oleh PNB dengan kerjasama agensi kerajaan, khususnya menentukan senarai kelayakan pemohon.

"Golongan Bumiputera termiskin akan dikenal pasti. Senarai ini akan meliputi semua golongan

termiskin di seluruh negara berdasarkan cara pengumpulan yang membabitkan kampung, daerah dan negeri," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, permohonan mereka tertakluk kepada pengesahan Amanah Saham Nasional (ASN) berdasarkan jumlah unit ASB yang sedia dimiliki peminjam.

"Dengan pelaksanaan skim ini, golongan Bumiputera termiskin akan mendapat pendapatan tambahan setiap tahun. Pelaburan ini akan menjadi hak mereka apabila bayaran balik diselesaikan," katanya.

Kajian Bank Dunia baru-baru ini menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia turun daripada 49 peratus kepada 12 peratus dalam tempoh 1970 hingga 1989.

Menurut Datuk Seri Anwar, kerajaan yang tidak puas hati dengan sekadar meneruskan program membantu golongan fakir dan miskin melalui rancangan pertanian, akan melipatgandakan usaha membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Katanya, kerajaan memang sedar bahawa pengisytiharan dividen dan bonus 12.5 peratus untuk ASB tahun lalu hanya diperolehi golongan yang mempunyai wang atau berupaya meminjam untuk melabur dalam ASB.